

TEKS UCAPAN

**YBRS. PROF. DR MOHD HAIDZIR ABD MANAF
PENOLONG REKTOR KAMPUS SUNGAI BULOH,
SELAYANG & TELUK INTAN**

MEWAKILI

**YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

SEMPENA

PROGRAM KEMAMPAKAN ADIWANGSA

**25 APRIL 2025 | JUMAAT | 11.00 PAGI
PUSAT LATIHAN KENEGARAAN MALAYSIA,
MERU, KLANG**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

En Khalid Bin Mohd Yossoff

Pengarah Bahagian Latihan Belia Dan Institusi
Pendidikan, Akademi Kenegaraan Malaysia

Al-Fadhil Ustaz Haji Lufti Fauzi bin Haji Sabari

Ketua Unit Hal Ehwal Islam

Tuan-tuan puan-puan, serta hadirin sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Terlebih dahulu, **mewakili Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir untuk menjayakan **Program Kemampanan Adiwangsa**.
2. Marilah kita sama-sama merafakkan kesyukuran ke hadrat Ilahi, dengan limpah kurniaNya dapatlah kita berkumpul pada hari ini.
3. Saya difahamkan program ini adalah program kedua anjuran bersama **Pejabat Pemerkasaan Adiwangsa UiTM dan Akademi Kenegaraan Malaysia**, bertujuan memantapkan pengetahuan dan kefahaman tentang pengisian kenegaraan

melalui Rukun Negara, Rukun MADANI dan Perkara 153 yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan serta memperkasakan nilai Usaha, Takwa, Mulia yang menjadi nadi kekuatan UiTM.

4. Saya dengan penuh rasa bersyukur, melihat semangat berpasukan dikalangan tuan-tuan dan puan-puan yang sanggup untuk menghadiri program kenegaraan ini.
5. Komitmen yang diberikan, memberi satu Gambaran bahawa semangat patriotik masih mekar indah di dalam sanubari warga UiTM.
6. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan yang terpilih untuk hadir ke program ini dan berjaya mengikuti program ini sehingga ke penghujungnya.

7. Saya berharap agar setiap ilmu yang diperoleh disepanjang program ini dapat terus ditanam ke dalam diri, untuk kita terus menabur bakti demi agama, bangsa dan negara.

Hadirin yang dihormati,

8. Sesungguhnya keadaan kita semakin hari semakin mencabar lebih-lebih lagi dalam menghadapi era teknologi maklumat yang semakin berkembang yang amat memerlukan semangat jati diri agar kita tidak terpengaruh dengan fitnah dan anasir-anasir atau fahaman-fahaman yang ingin memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian di dalam negara yang kita cintai ini.
9. Semangat jati diri sebagai bangsa yang bertanggungjawab untuk membina negara perlu sentiasa diperkukuh dalam jiwa kita agar warisan budaya, agama, bangsa Melayu dan bumiputera

tetap teguh terpelihara di dalam sanubari kita yang perlu kita pertahankan selamanya.

10. Melalui usaha ini juga, peranan UiTM sebagai institusi unggul yang berpaksikan nilai kebitaraan kebangsaan dan merealisasikan agenda transformasi 3R UiTM yang melibatkan elemen *Royal*, *Religion*, dan *Race* dapat terus diperkukuh.
11. Kepada rakan strategik, Akademi Kenegaraan Malaysia, saya mewakili UiTM Cawangan Selangor mengucapkan jutaan terima kasih di atas sumbangan ilmu yang dicurahkan sepanjang program ini berlansung.
12. Terima kasih juga kerana dapat menyediakan kemudahan logistic, makan minum dan fasilitator yang berwibawa disepanjang program ini berlangsung .

13. Mudah-mudahan kerjasama dan legasi ini dapat diteruskan di masa akan datang.

Berlabuh perahu di kuala lama,
Layar dikemudi si anak desa,
Kemampuan adiwangsa tunjang utama,
Membentuk peribadi warga merdeka.

14. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan penutupan **Program Kemampuan Adiwangsa** ini.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**